



NOKTAH HITAM: AJARAN SESAT DI SINGAPURA





Farid Wajdi di dalam *Da'iratul Ma'arif* nya itu persoalan 'Tahdirul Arwah' menjadi persoalan di sana dengan adanya gerakan tentang hal itu di Barat, termasuk apa yang berlaku di England pada abad ke 19 dan bila timbul amalan itu di Mesir berhubung dengan pengaroh dari apa yang berlaku di Barat itu maka timbulah reaksi daripada para ulama' yang tidak merestui amalan itu, sebagaimana yang boleh dilihat nanti di dalam fatwa-fatwa Al-Marhum Syeikh 'Abdul Halim Mahmud, Syeikh Mutawalli As-Sya'rawi dan lainnya.

TAHDIRUL ARWAH : PENGALAMAN MASYARAKAT MELAYU

Bagaimanapun amalan yang demikian itu kita sudah dapat berlaku dalam masyarakat kita di rantau ini dalam hubungan pihak-pihak yang mendakwakan hidup kerohanian dan sebagainya. Dan amalan itu tidak dipanggil 'Tahdirul Arwah' yang hanya dikenali bila perkara itu menjadi masalah di Timur Tengah. Di dalam bentuk yang agak tidak begitu jernih walaupun pada permulaan amalan ini didapati berlaku di kalangan pawang-pawang, hanya mereka yang beramal dengan amalan-amalan ini tidak mengaku yang datang itu adalah roh-roh. Pada mereka yang datang itu adalah jinjang.

Di bawah ini kita boleh kemukakan beberapa kes yang sudah berlaku dalam bahagian lewat tahun-tahun 60-an, ada seorang pegawai penting dalam *Garuda Airways* bersama-sama dengan dua orang lain, di mana dalam tiga malam berturut-turut pada bulan Ramadhan telah mendapat mimpi yang sama, menyuroh mereka bertiga pergi ke suatu tempat yang berhampiran dengan Kuala Lumpur dalam kawasan yang berhampiran dengan Kajang. Ketiganya mereka bertemu di suatu tempat dengan berkebetulan pada waktu petang sebelum Maghrib. Ketiga-tiga mereka yang datang itu terserempak bertemu di situ dan masing-masing memberitahu tentang mimpiinya itu sepertimana yang telah mereka bertiga alami di dalam tiga malam yang berturut-turut itu. Didapati mimpi mereka bertiga itu sama sahaja. Di dalam mimpi tersebut, pada malam yang ketiganya mereka didatangi oleh seorang tua yang berpakaian serba putih telah memberitahu mereka bahawa kalaulah mereka datang pada malam yang kedua dahulu itu, mereka akan bertemu dengan

Nabi Khidir. Orang tua itu marah-marah dan menyuruh mereka supaya datang juga pada keesokan harinya itu. Mereka bertiga itu adalah berjiran tapi bagaimana pula mereka itu boleh mendapat alamat mimpi yang sama di dalam tiga malam yang berturut-turut itu.

Yang anehnya, kaki mereka bertiga itu seolah-olah dibawa berjalan oleh sesuatu tenaga ke suatu tempat di situ, dan akhirnya mereka sampai ke suatu tempat yang mana terdapatnya sebuah telaga. Mereka bertiga diberitahu oleh tuan rumah yang berkenaan bahawa air telaga itu rasanya seperti zamzam dan didapatinya memang benar apabila mereka mengecapi air telaga tersebut, rasanya adalah sama dengan air zamzam yang pernah mereka minum sewaktu dibawa balik dari Mekah.

Kemudian mereka dipelawa masuk ke dalam rumah itu. Sesudah sembahyang Maghrib serta berbuka puasa, pada waktu itu bulan Ramadhan, maka tuan rumah yang berpakaian serba putih tadi berada dalam keadaan mengadap qiblat, mulalah tidak sedarkan diri dan tubuhnya kelihatan menggeletar sedikit.

Kemudian ia mula berkata-kata dengan suara yang bukan dari suaranya yang biasa, bahkan dengan suara yang besar, hebat bunyinya dan bergema seperti suara orang alim berbicara kepada anak buahnya. Suara itu mengaku sebagai wali sembilan dari Jawa, yang termasuklah nama-nama seperti Wali Songo, Wali Sunan Qudus, Sunan Kali Jaga.

Demikianlah seterusnya hinggalah kesemua Wali 9 itu datang dan berkata-kata melalui orang yang tidak sedar itu.

Pada mulanya suara-suara itu bertukar-tukar dengan menyebutkan dosa-dosa yang pernah dilakukan oleh ketiga-tiga mereka itu di dalam hidupnya, yang mana kesemua mereka itu mengakui kebenarannya. Di antara mereka itu ada yang menangis, sebab dosa-dosanya yang banyak dan dia pun bertaubat. Mereka semua disuruh agar berhenti dari melakukan maksiat dan hidup sebagai orang-orang yang soleh. Kemudian mereka diberitahu supaya berjaga-jaga sebab di Malaysia akan berlaku pertumpahan darah (dan disebutkan bulannya, dan peristiwa itu memang tidak terjadi).

Juga wali itu memberitahu kepada mereka bertiga itu supaya mereka membaca: ' قُلْ هُوَ اللَّهُ ' sekian-kian banyak dalam sehari. Selain dari itu mereka diberitahu bahawa beberapa hari lagi seorang dari mereka hendaklah pergi ke Melaka dan di sana ia akan ditemui oleh seorang yang tidak dikenali, dan orang itu akan memberikan sebilah keris kepadanya.

Selepas beberapa waktu kemudian orang tua tersebut itupun sedarlah daripada keadaan 'lupanya' itu dan bercakap-cakap dengan mereka. Kemudian mereka bertiga pulanglah dalam keadaan merasa amat rugi, kalau tidak mereka akan bernasib baik boleh bertemu dengan Nabi Allah Khidir. Bukan alang-alang orang boleh bertemu dengan Nabi Khidir itu.

Beberapa hari kemudiannya seorang yang tertentu dari mereka yang bertiga itu pergi ke Melaka dan di sana ada orang yang tidak dikenali dengan tidak disangka-sangka, memberi sebilah keris yang agak cantik kepadanya dan lepas itu orang itu pun tidak kelihatan lagi.

Bila orang itu pulang ke rumahnya ia mendapat alamat mimpi ada orang tua yang datang kepadanya dan memberitahu kepadanya supaya membungkus keris tersebut itu dengan kain kuning, dan kemudiannya disuruh beliau itu memperasapkan keris itu dengan kemenyan pada setiap malam Selasa.

Kemudian mereka yang bertiga itu membuat perhubungan lagi dengan orang yang menjadi sebagai 'medium' itu, dan akhirnya menjadi jelas bahawa apa yang boleh didapati dari pengalaman itu bukan sangat perkara-perkara rohani yang murni, tetapi menjaga keris, mengasapkan keris, ilmu kedukunan dan perkara-perkara yang demikian itu.

Peristiwa yang dikatakan akan berlaku pada bulan sekian dan tahun sekian itu pun tidak pernah berlaku. Demikian juga peristiwa Komunis akan mengambil alih kuasa dalam negara seperti apa yang diramalkan akan terjadi pada tahun sekian dan bulan sekian itu juga tidak berlaku. Perubahan yang berlaku kepada ketiga-tiga orang itu dari segi hidup keagamaannya adalah tidak seberapa, tidak sebagaimana yang disangkakan pada mula-mulanya.

Selepas dari itu, pencatat ini ada mendapat maklumat tentang peristiwa yang hampir-hampir sama dengan apa yang berlaku itu, yang coraknya adalah sama, melibatkan wali sembilan, keris, pengubatan, memperasapkan keris, telaga zam-zam, sehingga di dalam suatu kes itu memang sebuah telaga itu hampir-hampir kering, kalaupun tidak kering betul kerana ada orang mendapat alamat bahawa di telaga itu airnya adalah seperti air zamzam.

Pada pertengahan tahun 80-an telah timbul '*medium*' wanita muda dalam sebuah negeri di Pantai Timur yang didatangi oleh para peminatnya kerana ianya dikatakan boleh mengajar Tasawuf dan Ilmu Haqiqat.

Antara maklumat-maklumat yang didapati ialah '*medium*' atau '*wasitah*' ini ada dihadiri oleh roh Nabi Muhammad dan roh Nabi Allah Khidir (*Alayhīmū's-Salaatu Wa's-Salam*) di dalam dua hari dalam seminggu. Maka bila sampai masanya masuklah roh Nabi Muhammad misalnya pada hari tertentu, maka orang-orang yang hadir itu pun bolehlah mendengar pengajaran yang datang melalui '*wasitah*' itu. Walaupun perkara-perkara yang disampaikan itu adalah hanya perkara-perkara biasa, tetapi oleh kerana mereka menyangka yang datang itu adalah Nabi Muhammad, maka perkara itu telah mendapat penerimaan yang baik.

Bagi mereka yang merasa teragak-agak dengan perkara yang kelihatan luar biasa itu, awal-awal lagi tidak menghadiri majlis yang demikian itu. Pada hari yang lain pula, dikatakan bahawa Nabi Allah Khidir yang datang mengajar orang ramai melalui '*wasitah*' ini. Akhirnya, berita tentang wasitah ini dan minat orang ramai terhadapnya lenyap dengan begitu sahaja:

Di dalam suatu perkara yang lain pula, pencatat berada di dalam satu majlis, tiba-tiba seorang yang mengaku ianya beramat dengan suatu tariqat yang terkenal dalam kawasan kita ini berada dalam keadaan seperti tidak sedar ataupun boleh dikatakan ianya sedar, tetapi sebagai diri orang lain dan orang ini berbicara dalam bahasa Inggeris yang fasih.

Beliau menyebutkan beberapa peperangan dunia ketiga akan tercetus tidak lama lagi dan semua orang hendaklah bersedia. Suaranya lantang sekali, bukan sebagaimana kebiasaannya. Bila beliau itu selesai

berbicara, ia mengakhiri kata-katanya itu dengan ungkapan-ungkapan kalimah di dalam bahasa Inggeris yang bermaksud: '... Kami sudah berbicara'. Ini seolah-olah yang berbicara itu bukan orang biasa tetapi orang atau peribadi yang ada autoriti.

Kemudian bila sahaja habis beliau berbicara, rakannya yang berada tidak jauh dari situ, tetapi di dalam majlis itu juga, berkata juga di dalam bahasa Inggeris, walhal matanya terpejam. Pembicarannya itu dalam bahasa Inggeris, antaranya dikatakan bahawa: 'Pada sekian-sekian hari bulan, dan tabun sekian-sekian, Mahdi akan hadir'¹⁵. Memang

¹⁵ Berkenaan dengan masalah Al-Mahdi ini kita teringat kepada fatwa Ibn Hajar Al-Haitami, rahimahullah, dalam *Al-Fatawa Al-Haditsiab*, ms 31

"Saya telah ditanya berkenaan satu golongan (Taifah) yang beriktitikadkan berkenaan seorang lelaki yang telah mati semenjak empat puluh tahun yang lalu bahawa ia itu adalah Al-Mahdi yang dijanjikan kezahirannya pada akhir zaman dan sesungguhnya sesiapa yang menginkari keadaannya sebagai Al-Mahdi yang tersebut itu, maka ia kafir. Apakah hukum berkenaan dengan mereka itu?

Maka saya telah memberi jawaban bahawasanya ini adalah iktikad yang batil, kesesatan yang buruk dan satu kejahilan yang amat keji. Adapun yang pertama (iaitu iktikad yang batil), maka itu ialah kerana ianya berlawanan dengan apa yang nyata (sarih) daripada hadits-hadits yang hampir nutawatir (tetapi yang mutawatin ma'navi, walau pun tidak lafzi) sebagaimana yang akan dikemukakan pada anda. Ada pun yang kedua (kesesatan yang buruk) ialah kerana ianya bermakna terkena ke atasnya hukum mengkaufirkan imam-imam yang menyatakan dalam kitab-kitab mereka terhadap apa yang dibohongkan oleh golongan mereka ini dalam kenyataan mereka 'dan bahawa mayat ini bukan Al-Mahdi yang disebutkan itu' dan sesiapa yang mengkaufirkan seseorang Muslim kerana agamanya maka ianya adalah kafir murtad yang mestilah dipancung lehernya kalau ia tidak bertaubat.

Dan juga mereka ini (dengan mereka mengatakan orang yang telah mati itulah Al-Mahdi) menginkari Al-Mahdi yang dijanjikan (muncul) di akhir zaman dan telah datang riwayat hadits dari Abu Bakar Al-Islkafi bahawa baginda s.a.w telah bersabda yang bermaksud

"Sesiapa yang membobongi Dajjal maka ia telah kafir dan sesiapa yang membobongi tentang Al-Mahdi maka ia telah kafir"

Walhal golongan mereka itu telah membobongi tentang Al-Mahdi dengan nyata. Maka ditakuti di atas mereka itu kekufturan"

tarikh itu adalah tidak tepat sebab apa yang diramalkannya itu tidak berlaku.

Bila pencatat ini bertanya kepada beliau itu adakah peristiwa seperti kemasukan sesuatu ada terdapat di dalam amalan tariqat yang beliau anggotai itu, jawabnya itu memang suatu perkara yang biasa berlaku. Pencatat ini bertanya adalah kerana pada fahamannya perkara yang sedemikian itu tidak ada berlaku di dalam mana-mana amalan tariqat yang murni dan asli yang muktabar di sisi ulama' Ahlus Sunnah.

Pernah seseorang yang rapat dengan peribadi tadi menyatakan bahawa sesuatu masuk ke dalam badannya, ia merasakan dirinya seolah-olah membesar, dan kemudiannya terasa olehnya bahawa ia itulah Mahdi 15 yang dinanti-nantikan itu, *Subhanaana'llaahi'l-'Azimi*. Peribadi-peribadi yang disebutkan tadi adalah terdiri daripada mereka yang tidak mempelajari Ilmu Usuluddin, Fiqh dan Tasawuf dengan betul-betul tahap demi tahap daripada mereka yang dijamin selamat ilmu dan pengajarannya.

Di dalam kes yang lain pula yang terlibat adalah juga wanita muda. Yang selalu dikatakan 'masuk' ke dalam tubuh wanita muda ini ialah Syeikh Saman. Bila Syeikh Saman itu datang maka bolehlah sesiapa sahaja mempelajari ilmu daripada Syeikh itu. Maka ramailah orang-orang yang datang untuk mendapatkan pelajaran Tasawuf daripada Syeikh Saman melalui wanita tersebut. Beliau ini juga boleh 'dimasuki' oleh roh Nabi Muhammad pada waktu-waktu tertentu. Bagi mereka yang percaya kepada 'wasitah' ini dan juga peribadi yang disalurkan itu, merasa amat bertuah sekali kerana mendapat pengajaran secara 'langsung' daripada peribadi-peribadi yang begitu dimuliakan itu. Maklumlah pengajian yang didapatinya itu terus dari Nabi dan Wali kelas tinggi sendiri.

Wanita muda itu pula mengakui melalui pengalaman itu bahawa keturunannya itu adalah daripada keturunan Wali Allah Syeikh Muhammad As-Saman yang terkenal di Makkah pada zamannya itu.

Selain daripada itu, melalui punca tersebut dan punca-punca lain yang sepertinya, tersebarlah maklumat-maklumat seperti Tun Tuah yang tidak mati, beliau akan muncul lagi sebelum Kiamat. Demikian

juga dengan peribadi-peribadi seperti Awang Selamat di dalam kepercayaan setengah orang pantai Timur adalah tidak mati. Demikian pula Puteri Saadong tidak mati. Mereka itu hanya ghaib sahaja.

Pencatat ada juga menemui kes seorang pemuda dari Pantai Timur yang mengaku bahawa dirinya diajar sesuatu yang tidak diketahui oleh suara di dalam dirinya. Buat beberapa waktu selepas beliau dinasihati supaya beramal dengan amalan-amalan yang biasa diamalkan oleh para ulama' kita yang diakui di sebelah sini seperti Tuan Tebal *Rabimabu'llabu-Ta'ala*, misalnya.

Lalu suara itu pun hilang buat beberapa waktu. Kemudian bila beliau itu berpindah pergi bermiaga ke sebuah negeri luar, suara itu datang kembali. Ini berlaku dalam keadaan sedar. Mengikut kenyataan beliau suara itu mendatangkan ketenangan dan penyelesaian kepada masalah-masalahnya tetapi mengikut apa yang boleh diperhatikan dengan jelas dari cara hidupnya, hal itu adalah tidak benar yang benar adalah sebaliknya.

Dari apa yang boleh diteliti, jelas bahawa suara itu bukanlah sesuatu yang baik dan perlu dijaga. Bahkan ianya adalah sesuatu yang perlu di hilangkan daripada mengganggunya. Antara caranya ialah beliau jangan peduli langsung kepada suara itu dan anggaplah bahawa ianya itu adalah sesuatu yang tidak diperlukan.

Selain dari itu boleh juga diberi perhatian kepada kes bila mana ada seorang yang dikenali di kalangan rakan-rakan sebagai Ahli Rohani yang benar-benar berjaya dan boleh dipercayai. Maka di dalam satu majlis itu beliau yang dihormati itu sampai dan dikatakan mempunyai ilmu kasyaf dimasuki oleh roh Nabi Muhammad saw. Maka dalam keadaan itu ia pun mengakulah bahawa dirinya adalah sebagai nabi kerana di dalam dirinya itu roh Nabi Muhammad saw. Maka keluarlah kenyataan-kenyataan dari mulutnya tentang apa yang didapati di dalam kasyafnya itu, bahawa orang ini berdosa sekian, orang ini sekian, demikian seterusnya sehingga punya *munafiqin* pun dikenalinya juga, dan demikianlah seterusnya. Setiap orang boleh mengetahui kedudukannya di dalam alam ghaib. Kalaulah apa-apa hukuman yang dikeluarkan di dalam masa itu maka orang akan percaya kepadanya.

Mereka yang sama-sama dengannya akan merasa bertuah.

Pada beberapa tahun sebelum ini ada kes di negeri Johor tentang adanya seorang hamba Allah yang bernama Abu Bakar Bappu yang meyakini bahawa dirinya itu telah dimasuki oleh roh Abu Bakar As-Siddiq r.a. Ia pun mengakulah bahawa dirinya itu adalah Abu Bakar As-Siddiq kerana roh Sayyidina Abu Bakar telah berpindah kepadanya. Jadi di dalam kes yang di atas tadi yang memasukinya itu adalah roh Rasulullah s.a.w sendiri.

Inilah beberapa kes di kalangan Muslimin di negara ini (yakni di Malaysia) terdapat padanya unsur-unsur yang disebut sebagai '*Tabdirul Arwah*'. Kalau kita membenarkan diri kita untuk menggunakan istilah itu sebelum ditemui istilah yang lebih tepat selepas kita bersama-sama mengadakan perbincangan, *Insya' Allah*.

Sebelum diperhatikan amalan ini yang dilihat dari kaca mata ajaran dan amalan Islam yang tulen dan murni, nampaknya eloklah juga diingatkan tentang beberapa ciri-ciri daripada amalan-amalan itu yang boleh dianggap sebagai kesimpulan-kesimpulan yang mudah-mudahan dapat membantu kita dalam membuat sesuatu ketentuan terhadapnya.

Antara perkara-perkara yang boleh diperhatikan di dalam pengalaman-pengalaman itu adalah seperti berikut:

1. Bahawa di dalam pengalaman itu ada sesuatu yang memasuki badan seseorang yang dipanggil '*medium*' atau '*channeler*' atau '*wasit*' ataupun '*jinjang*' dan sebagainya lagi.
2. Dengan dimasuki oleh sesuatu itu maka berubahlah peribadi orang itu dan timbulah suatu peribadi baru berdasarkan apa yang didakwakannya itu.
3. Di dalam masa berlakunya '*penyaluran*' itu maka nampaknya *iradah* (kehendak) saluran itu dan ilmunya serta lain-lainnya tidak memainkan peranan lagi.
4. Bila '*peribadi*' baru itu masuk ke dalam tubuh si *penyalur* itu,

- maka tubuhnya kelihatan menggeletar sedikit, dan ianya mengalami sedikit sebanyak perubahan sesuai dengan peribadi yang didakwakan datang itu, dengan suaranya yang mula berubah, cara gerak-geri pun berubah, perbendaharaan kata pun berubah, bahkan ilmunya pun berubah sesuai dengan 'entity' yang datang itu.
5. Kalau di kalangan orang Islam, maka peribadi-peribadi yang dikatakan datang memasuki tubuh orang yang menjadi penyalur itu adalah peribadi-peribadi yang sangat-sangat dihormati di kalangan kaum Muslimin, seperti Nabi Muhammad, Khidir, Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani, Syeikh As-Saman, Hang Tuah, Wali 9 dari Jawa dan sebagainya.
 6. Ada yang menyeru masuk apa yang dipercayai sebagai 'roh-roh' tertentu itu dengan tujuan mendapatkan ubat-ubatan untuk menyembuhkan penyakit-penyalit tertentu, ataupun yang menyeru syeikh-syeikh tertentu bagi mengajarkan ilmu-ilmu silat yang tertentu, yang bila mana Syeikh yang berkenaan itu 'masuk', maka orang yang menyeru tadi pun bersilatlah dengan langkah silat yang dikehendaki itu.
 7. Ada yang menyeru roh-roh itu dan bertanya masalah-masalah agama dan ada yang menyatakan bahawa yang diserukan itu boleh mengajar Ilmu Haqiqat, *subhanallah*.

Maka sudah tentu di sekitar fenomena ini timbulnya persoalan-persoalan, antaranya ialah sejauh manakah dakwaan-dakwaan itu boleh dipercayai? Adakah yang datang itu benar-benar roh atau yang disangkakan sahaja sebagai roh, dan kalau tidak roh, apakah sebenarnya yang datang itu? Dan adakah maklumat-maklumat yang disalurkan itu benar, dan kalau benar apakah neraca ujiannya? Dan dari segi keagamaan pula, apakah nas yang boleh digunakan bagi menunjukkan bahawa amalan itu berdasarkan nas? Adakah amalan tersebut terdapat di kalangan orang-orang salaf? Atau adakah ianya di kalangan para Imam, baik dalam Ilmu Syariah atau Usuluddin atau Tasyawuf? Inilah di antara persoalan-persoalan yang mungkin timbul dalam hubungan dengan hasrat seseorang Mukmin yang ingin mengetahui apa yang diperhatikannya demi untuk mengelakkan diri

daripada sesuatu yang boleh membinasakan, apatah lagi dalam zaman yang penuh dengan fitnah ini, yakni zaman yang mana kefahaman agama yang sebenar-benarnya menjadi teramat sukar untuk ditemui. Takut-takut seseorang itu, kalau ia tidak berjaga-jaga, ia mati di dalam Bid'ah. Dalalah ataupun di dalam kekufuran, *nauzubillahi min zalik!*

Mungkin baik kita mulakan dengan nas-nas yang boleh menjadi panduan kepada kita di dalam hal ini.

1. Antaranya ialah yang umum menyentuh tanggungjawab dengan anggota-anggota zahir batin, sebagaimana yang ada dalam surah Al-Isra ayat 36:

وَلَا تَنْقُضْ مَا تَسْأَلَنَّكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ الْسَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ
أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْتَحْشِرًا

"Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglibatan dan bati, semuanya itu akan diminta pertanggungan jawabnya."

2. Hendaklah kita bertanya kepada para ulama' yang mutabar atau kita melihat huraian mereka di dalam kitab-kitab mereka kalau ada, sebagaimana yang dituntut di dalam Al-Quran dalam ayat 43, Surah An-Nahl:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الْكِتَابَ كَيْفَ إِنْ كَثُرُوا لَا يَعْلَمُونَ

"Maka bendaklab kamu bertanya kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui."

Nampaknya pengalaman masuk sesuatu ke dalam badan dan memperolehi ilmu daripadanya bukan merupakan ajaran para ulama'

3. Di dalam hadits Sabib kita diperintah:

دَعْ مَا يَرِينَكَ إِلَى مَا لَا يَرِينُكَ

'Hendaklah kamu tinggalkan sesuatu yang ada syak di dalamnya dan kamu pergi atau 'amal atau ambil apa yang tidak ada syak di dalamnya.' (Riwayat Al-Bukhari)

Itulah jalan yang paling selamat sekali dalam menjalani hidup.



4. Al-Imam Al-Ghazali ada menyatakan suatu neraca yang tidak begitu sukar untuk diikuti di dalam kitabnya iaitu *Minhajul Abidin*¹⁶, kata:

"Kata ulama kami yakni dalam bidang kerohanian - Allah meredhai mereka semua, bila anda hendak mengetahui lintasan hati yang baik daripada lintasan hati yang jahat dan anda hendak membezakan antara keduanya itu, maka timbangkanlah dengan satu daripada empat neraca (yang munasabahnya 3 neraca -P) maka akan menjadi jelaslah kepada anda jalannya. Pertama, hendaklah anda bentangkan perkara yang datang terlintas kepada hati anda itu (atau dalam hal kita ini apa yang berlaku itu -P) di sisi syara' maka kalaulah ia bermuafakat dengan jenis perkara syara' (yakni bukan jenis yang berlawanan dengan perkara syara') maka ia itu adalah perkara yang baik. Maka kalaulah ianya itu bercanggah dengannya dengan cara keringanan atau syubhah, maka ianya adalah perkara yang jahat. Maka kalaulah ianya tidak menjadi jelas kepada anda dengan neraca ini, hendaklah anda bentangkannya di sisi ikutan perjalanan (para salihin, termasuk perjalanan para 'ulama' dan aulia' -P), maka kalaulah 'amalan' itu termasuk ke dalam amalan mengikuti perjalanan mereka yang saleh, maka itu adalah perkara yang baik. Dan kalaulah ianya berlawanan dengan perjalanan mengikuti mereka yang saleh, maka itu adalah perkara yang jahat. Kalaulah ianya tidak nyata kepada anda dengan neraca ini, maka hendaklah anda bentangkannya kepada nafsu dan hawa anda sendiri, dan perhatikanlah, kalaulah nafsu itu lari daripada perkara itu dengan lari secara tabiatnya dan bukan lari kerana takut

¹⁶ Al-Ghazali, *Minhaj Al-'Abidin* di atas daripada *Siraj At-Talibin* syarah *Minhaj* tersebut, juz 1, ms 303 - 304.

dan lari kerana gentar (kepada Allah), maka ketahuilah itu adalah perkara yang baik, kalaulah perkara itu adalah sesuatu yang nafsu cenderung kepadanya dengan kecenderungan secara tabiat dan asal kejadian, bukan cenderung kepadanya kerana harap kepada Allah dan gemar (kepada sesuatu balasan yang baik), maka itu adalah perkara yang jahat, kerana nafsu ammarah bissuk itu tidak cenderung pada kejadian asalnya kepada kebaikan, maka dengan sesuatu daripada neraca neraca ini akan menjadi nyatalah kepada anda lintasan yang baik dan lintasan yang jahat jika anda menelitiinya dan berusaha bersungguh-sungguh di dalam melaksanakannya.”

Maka bila didapati bahawa perkara-perkara yang berlaku itu tiada nas syara’ di dalamnya, tiada perjalanan *Salibin* di dalamnya dan nafsu memang ingin kepadanya secara tabiatnya dan asal kecenderungannya, maka bermakna itu adalah sesuatu yang perlu dia jauhi walaupun ada beberapa kesan yang kelihatan ada faedah padanya.

5. Adapun berkenaan dengan roh itu sendiri, tiada siapa yang dapat mengetahui hakikatnya, seperti mana firman Allah dalam Al-Quran, Surah Al-Isra ayat 85:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ فَلِلرُّوحِ مِنْ أَمْرِ رَبٍِّ وَمَا أُوتِيشُ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

“Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhhammad) tentang roh. Katakanlah roh itu daripada perkara urusan Tuhanmu, dan kamu tiada diberi ilmu melainkan sedikit sahaja.”

6. Kenyataan-kenyataan di dalam hadits mungkin boleh memberi pertolongan kepada kita sedikit sebanyak di dalam mendapatkan keterangan-keterangan tentang roh-roh mereka yang telah mati. Antara hadits-hadits berkenaan dengan keluarnya roh seseorang itu ialah yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah dengan sanad yang *Sahih*¹⁷:

¹⁷ Dalam *Mukhtasar Tazkirah Al-Qurtubi* oleh Asy-Sya'rani, ms 19.



"Para malaikat hadir ketika keluarnya roh seseorang hamba Allah itu, maka kalau lahir ia itu seorang yang salib para Malaikat itu akan berkata: Keluarlah wabai nafsul-mutmainnah yang berada dalam jasad yang baik, keluarlah dengan keadaan terpuji dan bergembiralah dengan berita baik mendapat ketenteraman dan rezeki di sisi Tuban walbal Tuban meredbai tiada marah. Maka tidak benti-benti itu dikatakan kepadanya hingga ia sampai ke langit, maka dibukakanlah semua pintu-pintu langit baginya sampailah ia berdiri di hadapan hadrat Tuhan 'Azza wa Jalla. Dan kalau lahir ianya seorang laki-laki yang jabat, keluarlah dalam kehinaan dan bergembiralah dengan berita mendapat air panas dan air-air bisa yang busuk dan pelbagai seksaan jenis itu. Maka tidak benti-bentilah itu dikatakan kepadanya sebinggalah roh itu keluar. Kemudian Malaikat naik ke langit bersama roh itu, dan meminta dibuka pintu langit baginya maka ditanyakan: Siapakah ini...? Maka diberikan jawapan ia fulan, maka dikatakan: Tiada ucapan selamat datang bagi nafsu yang kotor yang berada dalam jasad yang kotor dan jabat... Baliklah. Maka tiada dibuka pintu langit baginya. Maka iapun dihantar dari langit yakni ia jatuh dan masuk ke dalam qubur."

Berkenaan dengan roh juga, ada disebutkan dalam Mukhtasar Tazkiratul Qurtubi (muka 21) bahawa Al-Hafiz Abu Nu'im meriwayatkan:

"Sesungguhnya para Malaikat mengangkat para roh sehingga roh-roh itu berdiri di hadapan Hadrat Allah 'Azza wa Jalla. Maka kalau lahir ia itu dari kalangan mereka yang berbahagia, Allah berfirman: Kamu bawalah roh itu dan tunjukkan kepadanya tempat duduknya di dalam syurga, maka para Malaikat itu pun pergilah membawa roh-roh ke dalam syurga mengikut qadar (masa) dimandikan mayat itu. Maka apabila mayat itu dimandikan dan di kafankan, maka roh itupun dikembalikan dan diselitkan antara kafannya dan jasadnya. Apabila jasad itu dibawa di atas pengusungnya, maka ia mendengar percakapan orang yang bercakap tentang kebaikan atau orang yang bercakap tentang kejahatan. Apabila ia sampai ke tempat sembahyang dan iapun disembahyangkan, dan ia dimasukkan ke dalam

qubur, roh dekembalikan kepadanya, dan ia pun bangun duduk mempunyai roh dan jasad, dan dua orang Malaikat yang mengujikannya masuk dan menyoalnya."

Di dalam Hadits riwayat Ibnu Majah, telah diriwayatkan bahawa baginda s.a.w. bersabda:

إِنَّ أَرْوَاحَ الْمُؤْمِنِينَ فِي طَيْرٍ خُضْرٍ تَعْلَقُ بِشَجَرِ الْجَنَّةِ

"Sesungguhnya roh orang-orang Mukmin berada dalam burung-burung bijau yang bergantung kepada pokok-pokok syurga." (di dalam Misykatul Masabih).

Hadits riwayat daripada Abdur-Rahman bin Ka'ab daripada bapanya yang berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّ نَسْمَةَ الْمُؤْمِنِ طَيْرٌ تَعْلَقُ فِي شَجَرَةِ الْجَنَّةِ حَتَّى يَرْجِعَهُ اللَّهُ فِي جَسَدِهِ يَوْمَ يَبْعَثُهُ

"Hanyasanya roh orang Mukmin itu (berada dalam) býrung yang bergantung dengan pokok syurga sehingga Allah mengembalikannya ke dalam jasadnya pada hari ia dibangkitkan." (Riwayat Malik, Anas dan Al-Baihaqi).

7. Antara fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh para ulama semasa di Timur Tengah berkenaan dengan masalah yang dibicarakan di dalam kertas ini ialah:

Bila Syeikh Mutawalli As-Sya'rawi ditanyakan tentang 'Tabdirul Arwah' dan 'berubat secara menggunakan roh', beliau menjawab di dalam fatwanya:

"Dan apakah yang memberitahu kepada mereka bahawa yang hadir itu adalah roh? Adakah mereka itu mengenali roh sehingga bila ianya datang mereka boleh berkata: Ini roh yang kami kenal.

Yang mungkin mereka kata ialah: Sesungguhnya mereka dapat menghadirkan



kekuatan-kekuatan yang tersembunyi, tetapi bukan roh. Itu semua tiada dapat diterima. Dan manusia sudah pun melibatkan diri dalam perkara itu semenjak zaman purbakala, maka ilmu ini (sekarang) tidak maju walau setapak, walaupun ilmu-ilmu sains lain mara dan berkembang dengan cara yang dahsyat, ini menunjukkan bahawa mereka sedang membahaskan ilmu yang bersifat boleh dicuba-cubakan, kerana bahasan yang saintifik memerlukan kepada makmal dan percubaan, walhal ini tidak ada di dalamnya percubaan dan makmal. Dan orang yang berkata: Sesungguhnya ia menghadirkan roh-roh mengikut cara Al-Quranul Karim, maka orang itu adalah pembohong dan menipu, dan itu semua dengan jalan penipuan dan yang mereka hadirkan itu adalah jin-jin.”¹⁸

Kemudian Syeikh itu menambah lagi:

“Mereka ini yang bercakap dari nafsu mereka perkara itu dan mengakui mereka menghadirkan roh-roh, kami dapat i mereka itu manusia yang sehabis-habis binasa pada masa sekarang dan mereka merupakan manusia yang paling keletihan dan susah dalam hidup dunia mereka, dan tidak boleh didapati dari kalangan mereka yang mati dalam kebaikan selama-lamanya.”¹⁸

Kemudian beliau memberi kenyataan yang boleh dianggapkan sebagai amaran kepada mereka yang terlibat di dalam perkara itu, katanya:

“Sesungguhnya kesibukan manusia dengan perkara yang ghaib adalah suatu perkara yang meletihkan mereka sendiri, dan hendaklah manusia mengetahui kemampuan mereka sendiri dan hendaklah mereka mengetahui bahawa Al-

lah telah menutupkan daripada mereka (perkara ghaib) itu sebagai rahmat kepada mereka."

Di dalam Fatwa Syeikh Abdul Halim Mahmud¹⁹ kita boleh dapat kenyataan yang bermaksud:

"Dan termasuk daripada perkara-perkara yang pelik yang dihuraikan oleh pengetahuan tentang bidang-bidang penyakit jiwa apa yang tersebar luas di kalangan manusia di dalam tiap-tiap masa dan tempat, antaranya perbuatan Jin Afrit memakai tubuh orang perempuan atau lelaki, dan perkara ini menjadi seperti perkara biasa sejak ada banyak percubaan-percubaan di dalam bidang yang dinamakan Kerohanian Baru (الروحانية الحديثة), dan ianya bukan kerohanian baru melainkan Jin Afrit memakai tubuh orang perantara (ال وسيط) dan Iblis tu berbicara dengan menggunakan lidah orang perantara itu, dan orang perantara itu pula tidak lain melainkan manusia baik lelaki atau perempuan yang jiwa dan jisimnya itu tersiap sedia supaya masuk meresap ke dalam dirinya sesuatu dari alam yang tidak boleh dilihat oleh mata kasar. Dan sebab pokok ia menjadi bersiap sedia itu adalah kelemahan iradah Al-Wasit itu serta cepat sangat ia boleh menerima waham dan rangsangan, sudah teradat dengan sebab kelemahan iradahnya supaya ia menjadi saluran bagi tiap-tiap waham dan rangsangan."

Di akhir fatwanya itu Syeikh itu menyebutkan bahawa Allah s.w.t mengurniakan kepada orang-orang Mukmin itu (perkara-perkara yang hendak dikhabarkan kepadanya) melalui mimpi yang baik (رؤيا الصادقة) dan Ar-Ru'ya As-Sadiqah itu adalah satu juzu'

¹⁸ *Fatwa Al-Mutawalli Asy-Sya'rawi*, ms 230 -231.

¹⁹ *Fatwa Al-Imam Asy-Syeikh Abdul Halim Mahmud*, ms 294 - 295.

daripada *nubuwah*. Maka dengan itu jelas seseorang Mukmin itu hendaklah mengelak diri daripada amalan-amalan 'Tabdirul Arwah' itu dan apa-apa amalan yang sepertinya walaupun ada terdapat sedikit sebanyak manfaat daripadanya.

Dan dalam hubungan dengan ini, mungkin baik diingatkan bahawa bila yang meresap ke dalam tubuh Wasit itu bukan roh dan ianya adalah jin atau Afrit, maka sudah tersilap sekali kalau dipanggilkan perkara itu sebagai 'Tabdirul Arwah'.

Dan selain dari itu, perlu difikirkan juga tentang kedudukan suatu kepercayaan bahawa roh boleh berpindah dari suatu diri kepada suatu diri yang lain itu bukanlah termasuk di dalam kepercayaan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Bahkan ianya adalah sebahagian daripada kepercayaan Hindu dan golongan Rafidah sebagaimana yang jelas antaranya dari *Al-Milal Wa An-Nihal* oleh Asy-Syahrastani dan lainnya. Maka perlulah dipandang bahawa iktikad yang seumpama itu boleh membawa seseorang itu terkeluar daripada agama Islam yang maha suci; *Na'u zu bi'llabi min zalik*²⁰.

Sebagai kesimpulannya, bolehlah dikatakan bahawa apa yang dikatakan sebagai 'Tabdirul Arwah' atau menghadirkan roh adalah tidak tepat, sebab dari maklumat-maklumat Islamiyah, yang dihadirkan itu bukannya roh, melainkan sesuatu tenaga rohani yang tersembunyi, yang pada pandangan ulama' adalah Jin atau Afrit²¹.

Upacara 'menghadirkan tenaga-tenaga itu', baik dipanggil dengan apa panggilan sekalipun, baik 'penyaluran' ataupun 'Spiritisme' (yang lebih umum maksudnya) di Barat, termasuk yang berlaku di kalangan Muslimin adalah sesuatu amalan yang zaman berzaman dan bukanlah merupakan sesuatu yang boleh diikuti 'murni' oleh Islam. Amalan itu, bila dilihat dari segi kaca mata agama adalah merupakan sesuatu yang tiada nasnya di dalam Al-Quran, sunnah dan tiada merupakan amalan mereka di dalam zaman Salaf dan zaman kemudian kemudian yang mengikuti perjalanan mereka itu.

Bahkan beberapa cirinya itu menunjukkan bahawa ianya adalah bahagian daripada kepercayaan ugama Hindu dan aliran yang ada dalam golongan Rafidah yang terkeluar daripada pegangan aqidah Ahli Sunnah bila apa yang datang itu dipercayai sebagai roh.

Pengakuan bahawa tenaga-tenaga yang hadir itu adalah merupakan 'roh-roh' mereka yang utama seperti nabi-nabi, para wali dan sebagainya adalah merupakan pengakuan yang kosong semata-mata yang tidak boleh dibuat pegangan, apa lagi bila difahami dari ajaran roh-roh mereka yang telah meninggal itu berada di dalam alam lain dan di sisi Tuhan atau di alam yang suci; dan yang kafir atau yang derhaka pula berada pada alam di mana mereka mengalami azab yang tidak terkira dan tiada bukti yang mereka boleh 'datang' ke alam ini dengan cara yang sedemikian itu. Maka jelaslah bahawa pengakuan mereka itu tidak boleh diterima.

Selain dari itu bila mengingatkan bahawa pengalaman-pengalaman itu telah dan akan menyebarkan maklumat-maklumat yang tidak

²⁰ Tentang masalah kepercayaan roh memasuki badan lain selepas keluar dari badan yang mufa, lihat *Al-Milal Wa An-Nibal* oleh Asy-Syahrastani dan *Maqalat Al-Islamiyyin* oleh Al-Imam Al-Asy'ari. Di dalam *Al-Milal Wa An-Nibal* (juz 1, hal 151) ada disebutkan bahawa di dalam golongan Syi'ah Al-Hasyimiah ada terdapat pegangan dibawah pimpinan Abdullah b. Muawiyah

Dan antara mereka apa yang ada dalam mazhab Abdullah ialah bahwasanya roh-roh itu berpindah dari seorang kepada seorang yang lain.²¹

Di dalam *Maqalat Al-Islamiyyin* (juz 1, hal 67) di bawah golongan Syi'ah yang megikut Abdullah b. Muawiyah disebutkan bahawa pegangan mereka itu

Dan mereka menegaskan bahawa roh-roh itu berpindah (dari seorang kepada seorang yang lain).²²

Mereka itu adalah golongan yang kafir, Di dalam *Al-Farqu Bain Al-Firaq* oleh Abdul Qahir Al-Baghdadi (ms 25) tentang mereka yang percaya kepada 'Tanasukk Arwah' (Perpindahan Roh-roh) itu ialah golongan dalam Qadariah seperti Ahmad b. Hayit, Ahmad b. Ayub b. Yanush juga termasuk Muhammad b Ahmad Al-Qahti. Jelas bahawa kepercayaan tentang berpindah roh-roh demikian itu adalah bukan daripada pegangan Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah dan boleh membawa kepada kekufturan. Misalnya jika disangkakan bahawa roh Nabi Muhammad s.a.w berada di dalam diri seseorang pada sesuatu waktu tertentu dan apa yang dikatakan oleh nya diterima seolah-olah sesuatu yang datang daripada nabi Muhammad s.a.w dengan segala implikasi-implikasinya, *Nauzubillahi min zalik*. Bandingkan kenyataan di dalam kitab *Tufatul Ar-Raghbihin* (jawi) yang menyatakan kepercayaan berpindah roh dari satu lembaga sebagai fitiqad yang kufur, *Wa'llahu A'alam*.

tepat, baik berkenaan dengan apa-apa malapetaka yang akan berlaku, dan juga dakwaan tentang peribadi-peribadi suci di dalam agama, apalah lagi di dalam agama Islam yang maha suci, serta juga dakwaan-dakwaan yang menyentuh aqidah dan hukum, maka jelaslah bahayanya bila amalan seperti demikian ini dibiarkan berkembang di kalangan Muslimin. Nampaknya perlulah difikirkan bersama demi mencari jalan-jalan penyelesaian dan langkah-langkah yang perlu diambil di dalam perkara ini, antara lain, khususnya dalam rangka pemurnian amalan-amalan rohani dan keagamaan. *Wa'llabul Muwaffiqu Birabmatih,*

Sebelum diakhiri perbincangan ini, maka ada beberapa usul yang ingin dikemukakan oleh penulis, sebagaimana yang tertera di bawah ini:

1. Hendaklah diberikan kefahaman kepada masyarakat tentang hakikat yang dikatakan '*Tabdirul Arwah*' itu dan juga penyelewengan-penyelewengannya dilihat dari kaca mata Islam, serta bahaya-bahayanya yang dilihat dari segi kerohanian, aqidah dan kehidupan Islamiyah yang dikehendaki.
2. Hendaklah kumpulan-kumpulan Tariqat dan Kerohanian dibersihkan daripada unsur-unsur yang bercanggah dengan amalan-amalan Rohaniyyah Islamiyah yang murni serta pegangan aqidah yang sah misalnya seperti kefahaman yang meringan-ringankan syariat dengan tercapainya maqam-maqam yang tinggi; amalan pendewaan terhadap pemimpin

21 Berkenaan manusia itu ada *Qarin* di kalangan jin, ini jelas daripada kenyataan-kenyataan dalam hadits-hadits dan Al-Quran Al-Karim. Dalam Al-Quran itu antara dalam ayat 36, surah Az-Zukhruf

"Barangsiaapa yang berpaling dari pengajaran Tuhan Yang Maha Pemurah, Kami akan baginya syaitan. Maka syaitan itulah yang menjadi teman yang selalu menyertainya (Qarin)."

Hadits-hadits juga menyebut tentang *Qarin* di kalangan jin yang selalu ada dengan manusia (lihat *Mujam Al-Mufabharas Li Al-Faz Al-Hadits An-Nabawi*, VII, ms 373). Ertinya yang mendatangkan apa-apa pengalaman yang palsu itu adalah berkaitan dengan *Qarin* yang demikian itu. Ada pun pengalaman yang berkaitan dengan alam malaikat dan para *auliya'* adalah berlainan, sebagaimana yang boleh disahkan dengan membuat rujukan kepada teks-teks dalam bidang ini.



Tariqat yang melewati batas-batas syariah dan sunnah, juga amalan-amalan seperti 'Tabdirul Arwah' dan yang sepertinya.

3. Hendaklah mereka yang ingin melibatkan diri dalam sesuatu amalan tariqat itu, terlebih dahulu diberikan pendidikan yang mencukupi di dalam aqidah Ahli Sunnah, Fiqh dan Tasawuf yang fardhu 'ain, dan selepas itu baharulah ia diberi peluang untuk bertariqat demi untuk mengelakkan daripada timbulnya perlaksanaan hidup bertariqat yang menyeleweng daripada aqidah dan Syariah Islamiyyah.
4. Di dalam usaha penyebaran, penerapan serta perlaksanaan Aqidah Islamiyyah, syariah dan tasawuf yang sekurang-kurangnya pada tahap fardhu ain, hendaklah terutama sekalinya diambil kira dan didasarkan kefahaman di atas huraian-huraian para ulama yang mu'tabar di dalam tradisi keilmuan Islam yang semurninya di dalam bidang-bidang itu demi menjaga kesahihan ilmu dan amalan di dalam hidup, serta juga demi untuk menjaga kesinambungan keilmuan Islam dalam masyarakat dan umat ini. Penulisan baru bila mana diperlukan hendaklah diambil kira sebagai bahan-bahan perbandingan dan juga demi untuk mengikuti perkembangan ilmu yang berkembang.
5. Di dalam pandangan yang lebih meluas, di dalam menyebar, menerap, dan melaksanakan Aqidah Islamiyah ini hendaklah diambil kira dan didasarkan kefahaman di atas huraian para ulama mu'tabar di kalangan Ahlus Sunnah di dalam bidang ini demi untuk menjaga kesahihan kefahaman di dalam bidang ini dan juga demi untuk menyedarkan ummah tentang perkara-perkara yang telah diijma'kan oleh mereka yang berwenang di dalam zaman 'klasik', sebagai panduan bagi ummah dan juga demi menjaga kesinambungan ilmiyah di dalam bidang ini. Penulisan-penulisan baru yang berfaedah hendaklah dirujuk demi untuk mengetahui perkembangan yang berlaku. Masalah-masalah baru di dalam aqidah hendaklah diberi huraian-huraianya berdasarkan kaedah-kaedah yang telah ada di dalam ajaran Ahli Sunnah.
6. Di dalam perspektif yang lebih luas juga demikianlah dasar dan kaedah yang perlu diamalkan dalam hubungan dengan

perlaksanaan hukum syara²².

- 22 Dalam konteks maklumat-maklumat yang telah dikemukakan diatas, ada beberapa pengamatan yang boleh dibuat. Antaranya ialah sebagaimana yang tertera dibawah ini:
- Roh simati tidak boleh wujud dalam jasad orang-orang yang masih hidup. Ini ialah kerana roh itu berada dalam dimensi yang lain, yang dikatakan sebagai 'alam Barzakh' dalam aqidah Islamiah, dan kedatangannya ke alam ini mengikut punca-punca yang berotoritas dalam Islam adalah dengan cara-cara tertentu yang tidak sama sekali melibatkan 'kemasukan' dalam tubuh-tubuh orang yang masih hidup. Apa lagi perkara ini menjadi lebih serius bila kedapatan dalam setengah-setengah teks kenyataan bahawa kepercayaan kepada berpindahnya roh dari satu jasad ke jasad yang lain boleh membawa kepada kekufturan..
 - Apa yang dikatakan berlaku sebagai 'penyerapan' roh dalam diri dukun dan mereka yang mengamalkan ilmu mempertahankan diri itu tidak boleh ditaksirkan sebagai benar-benar 'penyerapan' roh yang murni, yang diakui dalam nas-nas Islamiah. Malah ianya merupakan sesuatu 'tenaga' yang lain, dan mungkin tenaga itu boleh dikaitkan dengan 'Qarin' atau roh kotor yang disebut dalam hadits Nabi s.a.w dan Al-Quran Al-Karim. Dan ianya adalah sesuatu yang bukan boleh dianggap murni dari segi ajaran Islam sebenarnya berdasarkan kepada neraca atau kriteria Islamiah.
 - Tentang para wali itu berperingkat-peringkat, itu memang benar, sebagaimana yang disebutkan dalam teks-teks Islamiah, selain daripada Al-Quran, seperti *Ihya'* oleh Imam Al-Ghazali, *Riyad Ar-Riyabin* oleh Al-Yafi'i dan *Kashf Al-Mabjub* oleh Al-Hujwiri, serta *Risalat Al-Quds* dan *Ad-Durrah Al-Fakbirah* oleh Ibn 'Arabi, antara lainnya.
 - Berkenaan dengan 'Tawassul' - iaitu amalan berdoa kepada Allah untuk mendapatkan sesuatu hajat, dengan menyebut kemuliaan atau kedudukan seseorang yang salih atau nabi, baik yang telah mati atau masih hidup, supaya dengan itu hajat dikabulkan oleh Allah, itu adalah amalan yang mengikut jumhur Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah.

Adapun 'Rabitah' itu adalah, sebagaimana yang ada dalam setengah-setengah tariqah sufiah, memandang 'wajah guru' dalam masa hendak melakukan zikrullah, berdasarkan kepada hadits yang bermaksud

"Orang yang sebaik-baiknya di kalangan kamu ialah mereka yang bila dipandang, membawa kepada teringatnya Allah."

Dengan jalan Rabitah itu maka mengalirlah barakah yang berkenaan dan murid mendapat manfaat yang banyak daripada pengairan barakah itu dalam bentuk ianya mendapat kejayaan rohaniah cepat dan perubahan kearah kebaikan dengan segera.

Amalan *Tawassul* dan *Rabitah* ini diakui sebagai dikalangan Ahlis-Sunnah Wa Al-Jamaah. Wallahu Alam.